



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN --- 2021

ISI KANDUNGAN



M/S

4

Perutusan Ketua Setiausaha

M/S

5

Perutusan Pendaftar Pertubuhan

© Hak Cipta Terpelihara Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem yang dapat dipergunakan kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

1.0

PROFIL KORPORAT

M/S

6

Pengurusan Tertinggi

M/S

9

- Pengarah-Pengarah Negeri

M/S

10

Pengenalan Jabatan

M/S

10

- Matlamat Jabatan

M/S

10

- Visi, Misi, Objektif

M/S

11

- Fungsi Jabatan

M/S

11

- Core Business

M/S

12

- Piagam Pelanggan JPPM

M/S

13

- Nilai-nilai Bersama

M/S

14

Jumlah Pendaftaran Pertubuhan

M/S

16

Sekalung Penghargaan

M/S

18

Selamat Datang

2.0

LAPORAN PENCAPAIAN

M/S

20

Bahagian Undang-Undang

M/S

21

Bahagian Pengurusan Pertubuhan

M/S

35

Bahagian Penguatkuasaan

M/S

40

Bahagian Sumber Manusia dan
Khidmat Pengurusan

M/S

50

Bahagian Pengurusan Teknologi
Maklumat

M/S

69

SEGMENT KHAS

M/S

72

NUKILAN JABATAN

M/S

80

LENSA JPPM 2021

M/S

91

CAKNA NGO

M/S

96

SIDANG REDAKSI

3.0

4.0

5.0

6.0

7.0

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA Kementerian Dalam Negeri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah kerana atas limpah kurniaNya Laporan Tahunan 2021 JPPM ini dapat diterbitkan. Tahniah diucapkan kepada warga JPPM yang terlibat dalam penerbitan laporan ini. Semoga ianya memberi manfaat dan membuka peluang menambah pengetahuan para pembaca untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan JPPM. Penerbitan laporan ini sedikit sebanyak dapat mempromosikan segala program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh JPPM kepada warga KDN khususnya dan masyarakat umum amnya.

Negara sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks dan baharu pada era teknologi digital ini. Justeru, nilai-nilai bersama yang dihayati seperti profesionalisme dan bekerja sebagai satu pasukan telah menjadi pemangkin kepada usaha JPPM memperkasakan lagi aspek penyampaian perkhidmatan. Berdasarkan bilangan pertubuhan berdaftar sehingga 2021, jelas menunjukkan bahawa JPPM memainkan peranan yang cukup besar dan signifikan dalam mengawal selia dan menguruskan pertubuhan-pertubuhan berdaftar di Malaysia dan seterusnya menyokong misi Kementerian Dalam Negeri dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Syabas dan tahniah kepada semua warga JPPM yang memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan JPPM telah membuktikan komitmen dan kesungguhan warga JPPM secara holistik dalam memastikan semua perancangan program dan aktiviti di bawah JPPM dapat dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa warga JPPM begitu versatile dan berkemampuan untuk melaksanakan pelbagai tugas walaupun pada pandemik COVID-19.

Dengan pembudayaan norma baharu dalam penyampaian perkhidmatan, JPPM pastinya akan sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran. Justeru, JPPM perlu terus kekal relevan dalam melaksanakan peranan untuk menterjemahkan manifestasi pemegang taruh kepada rakyat.

Akhir kata, semoga tahun mendatang akan memberikan sinar dan harapan yang lebih cemerlang. Apa yang penting kita haruslah sentiasa bersedia menghadapi pembaharuan dan sanggup menghadapi cabaran mendatang.

Sekian, Wassalam.



**DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN
BIN HAJI ABDUL AZIZ**

PERUTUSAN KETUA PENGARAH Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan 2021 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kombinasi informasi dan pencapaian penting JPPM sepanjang Tahun 2021.

Tahun 2021 merupakan tahun kedua kita diuji dengan cabaran Pandemik COVID-19. Namun begitu, ia bukan penghalang untuk JPPM terus memacu kemajuan pembangunan Jabatan. Walaupun Tahun 2021 telah diharungi dengan pelbagai cabaran dan dugaan namun JPPM telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan selaras dengan perancangan yang telah ditetapkan pada Tahun 2021. Kejayaan ini adalah penting dalam memastikan keberkesanan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan kepada pelanggan.

Kejayaan JPPM dalam melaksanakan program promosi kepada masyarakat mengenai kepentingan bersatu-satua melalui pelbagai program anjuran JPPM seperti #ros_care, Himpunan Sinergi Pertubuhan Kebangsaan (HiPER) dan sebagainya turut menunjukkan bahawa JPPM memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan rakyat Malaysia terus menikmati kesejahteraan dan keamanan yang berpanjangan.

Sekalung penghargaan turut diucapkan kepada mantan Ketua Pengarah JPPM, Tn. Hj. Jasri bin Kasim di atas jasa dan sumbangan dalam memimpin jabatan dengan cemerlang bagi tempoh mulai 4 Januari 2021 hingga 12 September 2021.

Akhir kata, saya mengajak seluruh warga JPPM untuk sama-sama menyatakan komitmen dan iltizam bagi menjayakan apa sahaja perancangan yang kita gariskan sepanjang tahun akan datang agar dapat meletakkan JPPM setanding dengan agensi lain. Semoga momentum kejayaan JPPM ini dapat diteruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti pada tahun yang akan datang.

Sekian, Wassalam.



“ Dari
Pertubuhan
Kepada
Masyarakat ”

HAJI MOHD NAWARDI BIN SAAD

1.0 PROFIL KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI



**HAJI MOHD NAWARDI
BIN SAAD**

Ketua Pengarah



**WAN ZAINUL AZAM
BIN KHAMID @ABDUL
MAJID**

Timbalan Ketua Pengarah



**ZARIFAH
BINTI ZULGHAFFAR**

Penasihat Undang-Undang



**ARIS
BIN ABDUL RAHMAN**

Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
Dan Khidmat Pengurusan



**EDIANA SUZELIN
BINTI ABDUL RAHIM**

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Pertubuhan



**ASP SHAFIEE
BIN MARSIDI**

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan



**AZHAR
BIN MOHD ARIS**

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Teknologi Maklumat

PENGARAH-PENGARAH NEGERI



**MOHD MUFSI
BIN LAT**

JPPM
Negeri Terengganu



**DALILA DIYANA
BINTI MAT ZAID**

JPPM
Negeri Kelantan



**GEORGINA APPIHA
NGAU**

JPPM
Negeri Sarawak



**NURUL AZHAR
BIN HUSIN**

JPPM
Negeri Selangor



OH SIOW LEE

JPPM
Negeri Pulau Pinang



**MOHAMAD FITRI
BIN MD ALI @
HASHIM**

JPPM
Negeri Johor



**YUNIEZAH MARLYA
BINTI YUNOS**

JPPM
Negeri Sabah



**SYED DZULKIFLI
BIN SYED
MOHAMMAD**

JPPM
Negeri Pahang



**NIK EYLIA SOFIA
BINTI NIK ABD AZIZ**

JPPM
Negeri Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur



**NURULHUDA
BINTI MOHD AKOB**

JPPM
Negeri Perak



**MOHAMAD AZHAR
BIN FADZIYA**

JPPM
Negeri Kedah



**MOHD KHALIL
BIN MOHD HASHIM**

JPPM
Negeri Perlis



**NOOR AZFAR AKMAL
BIN BAHARA**

JPPM
Negeri Sembilan



**NURHAFIDAH
BINTI ALI**

JPPM
Negeri Melaka

PENGENALAN JABATAN



**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
(JPPM)**

PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah *“Peluang Untuk Kebajikan”* atau *“Reverence of Sharing”*.

AKTA PERTUBUHAN 1966

Akta pertubuhan 1966 (Akta 335) adalah hasil percantuman tiga ordinan yang berlainan sebelum ia diluluskan, iaitu **Ordinan 1949** untuk Persekutuan Tanah Melayu, **Ordinan Pertubuhan 1957** bagi negeri Sarawak dan **Ordinan Pertubuhan 1961** bagi negeri Sabah.

Akibat daripada Akta Pertubuhan 1966 itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah diwujudkan dalam tahun 1966 untuk menguatkuasakan akta tersebut berikutan pemisahan fungsi kawal selia pertubuhan daripada pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Jabatan ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia pada ketika itu, yang mana kini dikenali dengan nama Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di bawah seksyen 2 akta ini, sesuatu ‘pertubuhan’ ditakrif sebagai termasuk mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan dengan tujuh (7) atau lebih orang tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal.

MATLAMAT JABATAN

Matlamat Jabatan ini ialah untuk menentukan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan yang sihat serta teratur dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak.

VISI

Peneraju pembangunan masyarakat sivil.

MISI

Memperkasakan pertubuhan ke arah pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

OBJEKTIF

Memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara.

FUNGSI JABATAN



Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 dan dasar-dasar mengenai pertubuhan



Mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak



Mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar



Membendung dan mengawal perkembangan ideologi atau fahaman yang tidak selaras dengan hasrat/ dasar kerajaan



Mengawal, memantau kewujudan dan pergerakan pertubuhan yang boleh

mengugat keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak dan nilai-nilai moral negara



Membentuk pertubuhan supaya menjadi agen kepada pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara selaras dengan kedudukan pertubuhan bukan kerajaan sebagai sektor ketiga selepas swasta dan sektor awam



Membolehkan jabatan bertindak secara professional dan cekap dalam membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada pertubuhan dalam aspek pengurusan pertubuhan mengikut kaedah pengurusan semasa serta memastikan semua pertubuhan mematuhi dasar-dasar kerajaan dan undang-undang negara.

CORE BUSINESS

PROSES-PROSES TERAS (Core Processes)

01
PENGURUSAN
PERTUBUHAN
(Sistem E-Roses)

- Mengurus Pendaftaran Pertubuhan
- Mengurus Penerimaan Penyata Tahunan
- Mengurus Keberkesanan Peranan Pertubuhan

02
PENGUATKUASAAN/
PEMATUHAN

- Memantau dan menguatkuasa Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan 1984
- Menyiasat aduan terhadap pertubuhan
- Mengurus pendakwaan terhadap pertubuhan

02
PENYIMPANAN
REKOD
PERTUBUHAN

- Menyediakan maklumat pertubuhan kepada *stakeholder* bagi membuat keputusan
- Menyediakan maklumat pertubuhan kepada pelbagai agensi bagi tujuan perancangan, penyelidikan dan sebagainya

IMPAK (Output)



SIJIL PENDAFTARAN
Pertubuhan bergerak sejajar dengan keselamatan Negara, ketenteraman awam dan akhlak. Pertubuhan menikmati 'empowerment'

PROSES-PROSES SOKONGAN (Supporting Processes)

Sumber Manusia dan Khidmat

Teknologi Maklumat

PIAGAM PELANGGAN JPPM

01

**5 HARI BEKERJA**

Permohonan Pendaftaran
Petubuhan Induk baharu
yang lengkap dan memenuhi
kehendak Akta Pertubuhan
1966

(Tidak Termasuk Bagi
Kategori Parti Politik)

02

**5 HARI BEKERJA**

Permohonan Pendaftaran
Petubuhan Cawangan
baharu yang lengkap
dan memenuhi kehendak
Akta Pertubuhan 1966

(Tidak Termasuk Bagi
Kategori Parti Politik)

PIAGAM PELANGGAN JPPM

05

**1 HARI BEKERJA**

Permohonan Pendaftaran
Pegawai Awam yang
lengkap

04

**1 HARI BEKERJA**

Permohonan Pendaftaran
Pegawai Awam yang
lengkap

03

**23 HARI BEKERJA**

Permohonan Pindaan
Perlembagaan yang lengkap
dan memenuhi kehendak
Akta Pertubuhan 1966

06

**179 HARI BEKERJA**

Menyiasat dan membuat
keputusan terhadap
aduan pertubuhan

(Tidak Termasuk Bagi
Kes Pendakwaan)

07

**1 JAM SELEPAS
BAYARAN DIBUAT
DI KAUNTER JPPM**

Carian dokumen
pertubuhan

(Pembayaran secara
tunai / wang pos)

NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pematapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada *Stakeholders*.

Kod Etika Jabatan mengandungi empat (4) prinsip utama seperti berikut:

PRINSIP KOD ETIKA



BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN

Bekerja kearah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.

01



PROFESIONALISME

Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.

02



BERORIENTASIKAN PERKHIDMATAN

Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera (*sense of urgency*) dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan prestasi kerja

03





BERHEMAH DAN BERWIBAWA

- Sentiasa jujur, amanah dan berakauntabiliti.
- Sentiasa bertimbang rasa, mesra adil dan saksama.
- Tegass, tepat dan konsisten dalam membuat keputusan.
- Sentiasa tenang dan sabar serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan.
- Bersedia menerima teguran dan kritikan membina.
- Menampilkan diri dengan berpakaian kemas dan berbudi bahasa serta luhur.

04

JUMLAH PENDAFTARAN PERTUBUHAN BAHARU TAHUN 2021





 Johor	 Selangor	 Perak	 Sabah
 Melaka	 Pahang	 Pulau Pinang	 Sarawak
 Negeri Sembilan	 Terengganu	 Kedah	 Wilayah Persekutuan Labuan
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	 Kelantan	 Perlis	





Selamat DATANG & Selamat BERTUGAS

TUAN HAJI MOHD NAWARDI BIN SAAD
(20 September 2021)





2.0 LAPORAN PENCAPAIAN

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab dalam perkara-perkara seperti berikut:



Menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada semua bahagian, pejabat negeri dan pertubuhan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia termasuklah pandangan undang-undang melibatkan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335), Prosedur Operasi Standard, Garis Panduan, Arahan dan Pekeliling.



Mengkaji dan menyemak semula dasar-dasar dan peraturan sedia ada yang berkaitan dengan pertubuhan supaya selaras dengan perkembangan semasa;



Memberikan pandangan dan ulasan bagi tindakan pembatalan dan pembubaran pertubuhan di bawah Seksyen 14 & 18;



Menyemak dan meluluskan dokumen-dokumen kontrak perjanjian bagi pihak jabatan;



Mengendalikan kes-kes semakan kehakiman dan rayuan pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah Akta 335.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Jumlah dan skop kerja yang dikendalikan oleh Pejabat PUU adalah tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan, Kementerian serta pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Pejabat PUU telah menghadiri sebanyak 57 kali mesyuarat di dalam dan di luar jabatan. Pejabat PUU juga mengendalikan sebanyak 8 kes semakan kehakiman sepanjang tahun 2021. Penasihat Undang-Undang menjalankan penyelidikan mengenai isu undang-undang dan laporan/ pandangan bagi penyediaan Afidavit kes Mahkamah atas permintaan Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara. Selain itu, pejabat ini juga telah membuat semakan kontrak perkhidmatan dan pembekalan sebanyak 21 draf perjanjian seperti draf kontrak perjanjian perkhidmatan sewaan mesin penyalin, perkhidmatan pembersihan ruang pejabat dan lain-lain kontrak. Sebanyak 20 Permohonan Rayuan Terhadap Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) oleh Pertubuhan-Pertubuhan diterima pejabat ini untuk ulasan Penasihat Undang-Undang.



BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Pengenalan Bahagian

Bahagian Pengurusan Pertubuhan merupakan bahagian utama yang bertanggungjawab mengurus dan menyelaras perkhidmatan teras (*core business*) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Peranan dan fungsi Bahagian Pengurusan Pertubuhan ialah mendaftar dan menguruskan pertubuhan parti politik, menggubal dan melaksanakan dasar berkaitan pertubuhan, menguatkuasakan undang-undang dan peraturan pertubuhan, mengawal selia dan memantau aktiviti pertubuhan termasuk aduan, khidmat nasihat dan libat urus dengan pertubuhan serta membangunkan dan merangka program pertubuhan yang mampan dan lestari serta memastikan apa-apa aktiviti atau hal ehwal pertubuhan berdaftar tidak bercangah dengan

keamanan, keselamatan ketenteraman awam atau akhlak.

Pada tahun 2021, Bahagian Pengurusan Pertubuhan telah meneruskan kesinambungan perkhidmatan Jabatan berdasarkan perancangan yang telah digariskan di dalam Pelan Strategik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (PSJPPM) Lima Tahun (2021 – 2025). Terdapat program dan aktiviti jabatan yang telah diberi nafas baharu dan ditambah baik agar selari dengan keperluan dasar semasa dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak *stakeholders*.

1 Petunjuk Prestasi Utama, Key Performance Indicator (KPI)

Pada tahun 2016 sehingga kini, Jabatan telah memperkenalkan elemen penguatkuasaan ke atas pertubuhan dengan melaksanakan pemeriksaan

pematuhan pertubuhan sebagai KPI. Statistik pemeriksaan terhadap pertubuhan berkaitan bagi tahun 2021 adalah seperti **Jadual 1**.

PERKARA	TAHUN 2021	
	Pemeriksaan	Pematuhan
Pertubuhan Keagamaan	401	189
Pertubuhan Kebajikan	639	374
Pertubuhan Rekreasi	378	177
JUMLAH	1,418	740

Jadual 1: Statistik Pemeriksaan dan Pematuhan Pertubuhan bagi Tahun 2021

Bagi tahun 2021, KPI Jabatan telah menetapkan sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah pertubuhan diperiksa dan perlu mematuhi Akta Pertubuhan 1966.

2 Pemerkasaan Hubungan Bersama Pertubuhan

JPPM telah memperkenalkan konsep *ros_care* dalam pelaksanaan Program *Outreach* bersama pertubuhan bagi tujuan mewujudkan jalinan kerjasama dengan pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM serta memberikan khidmat nasihat dan kefahaman berkaitan pengurusan pertubuhan

selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 termasuklah perlembagaan yang diwujudkan oleh sesebuah pertubuhan. Statistik *ros_care* dalam pelaksanaan Program *Outreach* untuk tahun 2018 sehingga 2021 adalah seperti di **Jadual 2**.

PERKARA	BILANGAN PROGRAM <i>OUTREACH</i>
Tahun 2019	262
Tahun 2020	330
Tahun 2021	367
JUMLAH	959

Jadual 2 : Statistik Program *Outreach* untuk Tahun 2019 Sehingga 2021

3 Statistik Pertubuhan

3.1 Permohonan Pertubuhan Mengikut Negeri

Sepanjang tahun 2021, JPPM telah meluluskan sebanyak 5,603 permohonan pertubuhan daripada jumlah keseluruhan. JPPM Negeri Selangor adalah negeri yang mencatatkan jumlah persatuan berdaftar yang paling tinggi dengan mencatatkan sejumlah 1,602 persatuan. Pada masa yang sama,

JPPM Negeri Selangor juga telah merekodkan jumlah tertinggi bagi permohonan yang ditolak iaitu sebanyak 2,114 permohonan persatuan. Sebanyak 8,043 permohonan daripada jumlah keseluruhan telah ditolak pada tahun 2021 di atas beberapa syarat yang tidak dipenuhi sepanjang proses permohonan. Pecahan jumlah permohonan mengikut negeri secara terperinci adalah seperti di **Jadual 3**.

Pecahan jumlah permohonan mengikut negeri secara terperinci adalah seperti di **Jadual 3**.

NEGERI	MOHON	LULUS	TOLAK/ DALAM PROSES
Johor	1,743	720	1,023
Kedah	824	194	630
Kelantan	599	216	383
Melaka	391	208	183
Negeri Sembilan	664	372	292
Pahang	496	239	257
Pulau Pinang	652	270	382
Perak	1,082	455	627
Perlis	89	53	36
Selangor	3,716	1,602	2,114
Terengganu	325	243	82
Sabah	915	355	560
Sarawak	450	160	290
Kuala Lumpur	1,529	444	1,085
Labuan	24	11	13
Putrajaya	147	61	86
JUMLAH	13,646	5,603	8,043

Jadual 3: Statistik Keseluruhan Permohonan Baru Pertubuhan Tahun 2021

3.2 Pertubuhan Berdaftar dari tahun 2019 hingga 2021

Statistik pertubuhan berdaftar bagi Induk dan Cawangan dari tahun 2019 hingga tahun 2021 seperti di **Jadual 4**.

TAHUN	INDUK	CAWANGAN	JUMLAH
2019	78,158	63,058	141,216
2020	80,586	85,743	166,329
2021	82,214	95,628	177,842

Jadual 4: Statistik Pertubuhan Berdaftar dari 2019 sehingga 2021

Pecahan jumlah pertubuhan induk dan cawangan berdaftar bagi tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 5** dan **6**.

NEGERI	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	SEMBILAN	PAHANG	PULANG	PERAK	PERLIS	SELANGOR	TERENGGANU	SABAH	SARAWAK	WPKL	LABUAN	PUTRAJAYA	
KATEGORI																	
Politik	139	289	51	114	131	136	98	297	34	133	71	49	32	67	0	3	67
Faedah																	
Bersama (Khairat Kematian)	81	23	14	25	24	26	22	110	6	265	17	88	34	109	1	4	849
Hak Asasi	29	49	21	86	30	14	81	104	7	351	13	41	58	225	3	20	1,132
Ikhtisas	2,608	437	79	451	533	357	1,674	1,631	39	2,793	38	320	527	1,074	19	7	12,587
Keagamaan	2,870	1,106	1,131	828	1,422	1,376	1,383	2,448	213	6,474	1,035	1,657	1,289	3,681	97	328	27,338
Kebajikan	508	125	91	145	128	171	240	280	28	763	91	383	359	533	17	22	3,884
Kebudayaan Dan Kesenian																	
Keselamatan	69	53	16	4	33	38	54	80	9	120	16	55	43	40	3	3	636
Perdagangan	657	185	99	144	174	180	278	283	32	1,333	106	736	307	1,069	27	30	5,640
Rekreasi	1,008	197	139	188	354	399	367	555	56	1,919	200	924	790	1,074	65	98	8,333
Sosial	2,141	744	473	742	947	802	1,077	1,443	131	6,021	379	1,326	1,002	2,619	36	221	20,104
JUMLAH	10,110	3,208	2,114	2,727	3,776	3,499	5,274	7,231	555	20,172	1,966	5,579	4,441	10,491	268	803	82,214

Jadual 5: Statistik Pertubuhan Induk Berdaftar Sehingga Tahun 2021

NEGERI	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	SEMBILAN	PAHANG	PULANG	PERAK	PERLIS	SELANGOR	TERENGGANU	SABAH	SARAWAK	WPKKL	LABUAN	PUTRAJAYA	JUMLAH	
KATEGORI																		
Politik																	84,726	84,726
Hak Asasi	17	12	3	5	4	8	10	1	14	6	6	26	5	17	2	1	137	
Ikhtisas	7	4	5	2	3	2	7	1	7	6	21	14	6	2	1	1	89	
Keagamaan	260	46	10	46	72	28	111	4	71	604	152	167	8	60	0	2	1,641	
Kebajikan	440	535	142	125	149	296	442	52	230	998	1,110	505	162	234	11	29	5,460	
Kebudayaan	73	55	14	24	35	30	45	6	33	30	32	175	12	28	1	5	598	
Dan Kesenian																		
Keselamatan	2	6	0	1	2	1	15	0	5	0	2	16	0	8	0	0	58	
Perdagangan	92	52	15	23	19	40	53	6	18	42	109	88	37	29	3	2	628	
Rekreasi	68	8	8	6	18	28	17	3	9	44	47	49	8	25	0	2	340	
Sosial	323	151	144	54	107	92	137	47	84	230	259	158	82	72	5	6	1,951	
JUMLAH	1,282	869	341	286	409	525	837	120	471	1,960	1,738	1,198	320	475	23	84,774	95,628	

Jadual 6: Statistik Pertubuhan Cawangan Berdaftar Sehingga Tahun 2021

3.3 Permohonan Rayuan di bawah Seksyen 18, Akta Pertubuhan 1966 bagi Tahun 2021

Penerimaan permohonan rayuan sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak 583 rayuan. Terdapat dua jenis penerimaan permohonan rayuan menerusi Sistem eROSES iaitu melalui:

- i kaedah secara manual; dan
- ii permohonan dalam talian (*online*).

Statistik penerimaan permohonan rayuan secara manual bagi tahun 2021 melalui JPPM Negeri adalah sebanyak 106. Manakala, secara atas talian (*online*) adalah sebanyak 477 rayuan.

PERKARA	TAHUN 2021		JUMLAH
	Manual	Online	
Bil. Permohonan Rayuan	106	477	477
Lulus	12	10	10
Tolak	7	277	277
Belum Ada Keputusan	55	6	6
Dalam Proses	32	184	184
*Tarik Balik Rayuan	0	0	0
*Permohonan Tidak Lengkap	0	0	0


**Sehingga 31 Disember 2021

Jadual 7: Statistik Permohonan Rayuan Pertubuhan bagi Tahun 2021

3.4 Penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan bagi Tahun 2021 di bawah Seksyen 14 (1), Akta Pertubuhan 1966

Graf di bawah menunjukkan statistik penerimaan penyata tahunan pertubuhan bagi induk pertubuhan sepanjang tahun 2021 mengikut negeri di mana 3


buah negeri mencatat jumlah tertinggi iaitu Negeri Selangor sebanyak 11,742 diikuti dengan Negeri Johor berjumlah 7,202 dan seterusnya Negeri Perak dengan 5,617 penyata tahunan. Jumlah keseluruhan yang diterima bagi kesemua negeri adalah sebanyak 53,963 penyata tahunan bagi induk pertubuhan.



Jadual 8: Statistik Penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan (Induk) bagi Tahun 2021

Graf di bawah menunjukkan statistik penerimaan penyata tahunan pertubuhan bagi cawangan pertubuhan sepanjang tahun 2021 mengikut negeri di mana 3 buah negeri mencatat jumlah tertinggi iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 2,032 diikuti dengan

Negeri Selangor berjumlah 1,516 dan Negeri Sabah dengan 1,067 penyata tahunan. Jumlah keseluruhan yang diterima bagi kesemua negeri adalah sebanyak 6,251 penyata tahunan bagi cawangan pertubuhan.



Jadual 9: Statistik Penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan (Cawangan) bagi Tahun 2021

4

Memantapkan Dasar Dan Undang-Undang Berkaitan Pertubuhan



Sesi Interaktif dalam kalangan Penolong Pendaftar Pertubuhan seluruh Malaysia semasa Persidangan Penolong Pendaftar Pertubuhan Malaysia 2021

Persidangan Penolong Pendaftar Pertubuhan Malaysia Tahun 2021 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah berlangsung pada 26 hingga 28 April 2021 bertempat di Novotel Kuala Lumpur City Centre, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Persidangan ini merupakan *platform* yang penting secara dua hala antara Penolong Pendaftar Pertubuhan untuk berdiskusi secara ilmiah dan interaktif bersama-sama Pendaftar Pertubuhan Malaysia (PPM) serta Bahagian Pengurusan Pertubuhan mengenai hal-ehwal pengurusan dasar pertubuhan, penguatkuasaan ke atas pertubuhan, isu-isu dan cabaran baharu yang berbangkit serta mendapatkan penyelesaian secara kolektif.

Penganjuran persidangan kali ini memberi fokus mengenai aktiviti-aktiviti pertubuhan dalam isu penggabungan

wang haram (*money laundering*), *terrorism financing* menurut perspektif undang-undang serta kawalan dan penguatkuasaan daripada jabatan dan agensi yang berkaitan. Menerusi persidangan ini juga, Penolong Pendaftar Pertubuhan secara tidak langsung akan mendapat pendedahan serta memantapkan pengetahuan secara teoritikal berhubung fungsi dan kepentingan JPPM di peringkat nasional dan antarabangsa. JPPM merupakan ahli di dalam *Asia Pacific Group on Money Laundering, Financial Action Task Force (FATF), National Coordination Committee to Counter Money Laundering (NCC)* dan *Sub-Committee On Non Profit Organization (SCONPO)*. Jabatan dan agensi yang dijemput memberi taklimat ialah Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Peguam Negara (AGC), dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

5 Pindaan Akta Pertubuhan 1966



Bengkel Pemeraksanaan Akta bersama Pengarah-Pengarah JPPM Negeri pada 8 hingga 10 Mac 2021 di Langkawi, Kedah

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sedang dalam proses meminda dan menggubal Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) bagi memastikan Akta sedia ada terus kekal relevan dan selari dengan isu-isu semasa mengenai pengurusan pertubuhan. Justeru itu, Bahagian Pengurusan Pertubuhan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemeraksanaan Akta Pertubuhan (JPAP) bagi melaksanakan pindaan tersebut. JPPM Negeri Johor telah dilantik selaku Pengerusi Induk Mesyuarat JPAP bagi memastikan proses pindaan berjalan mengikut perancangan.

Pindaan akta ini akan melibatkan sesi libat urus dan perbincangan bersama pihak berkepentingan termasuk kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan seperti Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri, Penasihat Undang-Undang, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara (AGC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi mendapatkan input, ulasan dan pandangan bagi tujuan penambahbaikan.

Pada tahun 2021, sebanyak tiga sesi bengkel pemeraksanaan akta telah diadakan bersama Pengarah-Pengarah JPPM Negeri. Salah satu bengkel bertempat di Pulau Langkawi bagi menyemak dan menambah baik cadangan pindaan Akta 335 ini. Seterusnya, dua lagi bengkel semakan semula Akta 335 telah dilaksanakan bersama ahli JPAP bagi membincangkan perkara-

perkara yang memerlukan kajian selanjutnya seperti fi, borang, kompaun dan lain-lain pada 27 hingga 29 September 2021 di Negeri Johor dan seterusnya pada 23 hingga 25 November 2021 di JPPM Ibu Pejabat Putrajaya. Pelaksanaan pindaan Akta 335 ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2022 selaras dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025.



Bengkel Semakan Semula Akta 335 pada 27 hingga 29 September 2021 di Johor Bahru, Johor

6 Penglibatan JPPM Menerusi *Sub-Committee On Non-Profit Organisation Sector (SCONPO)*

SCONPO merupakan salah satu daripada sembilan jawatankuasa yang dibentuk di bawah *National Coordination Committee (NCC)*, dikoordinasikan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) bagi pihak Kerajaan Malaysia yang menganggotai *Asia Pacific Group on Money Laundering and Terrorism Financing (APG MLTF)* dan *Financial Action Task Force (FATF)*, ditubuhkan di bawah *United Nation (UN)*. Penglibatan Ahli Jawatankuasa SCONPO terdiri daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), *Labuan Financial*

Services Authority (LFSA), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pada tahun 2021, beberapa mesyuarat dan perbincangan telah diadakan dalam kalangan ahli bagi mengemaskini pelaporan terkini dan analisis jurang risiko serta bagi mendapatkan maklum balas daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
22 hingga 26 Mac 2021	Mesyuarat Bersama <i>United Nations Counter-Terrorism Committee Executive Directorate (CTED)</i> bagi mengkaji pelaksanaan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) secara hibrid.
5 April 2021	Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC) Bil.1 Tahun 2021.

TARIKH	PROGRAM
26 hingga 28 April 2021	Sesi Moderasi Penilaian Risiko Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan Kebangsaan (<i>National Risk Assessment</i> , NRA) telah diadakan dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (<i>National Anti-Financial Crime Centre</i> atau NFCC) berkaitan dengan kajian penilaian risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan peringkat kebangsaan atau NRA bagi tahun 2020. Gerak kerja berkaitan NRA telah mendapat kerjasama daripada semua agensi terlibat termasuk JPPM dalam mengemukakan input dan maklum balas dalam proses validasi ini yang telah memasuki fasa terakhir.
1 Jun 2021	Mesyuarat Kumpulan Kerja Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC) Bil.1/2021.
22 Jun 2021	<i>United Nations Office on Drugs and Crime</i> (UNODC) melalui Kementerian Luar Negeri telah mengadakan Sesi Perundingan Dalam Talian (<i>Online Consultation</i>) Mengenai " <i>Countering The Financing Of Terrorism Via Non-Profit Organisations</i> " pada 22 Jun 2021 untuk memperkenalkan projek mereka yang bertajuk, " <i>Research and scoping project on countering the financing of terrorism via non-profit organisation</i> " bagi mengetahui cabaran serta langkah semasa (termasuklah dasar-dasar serta rangka kerja institusi dan pengawalan) yang diambil oleh Malaysia dalam mengendalikan isu <i>Counter Financing Terrorism</i> melalui <i>Non-Profit Organizations</i> . Seterusnya, pada 5 Oktober 2021 satu Sesi <i>Virtual Roundtable Meeting on CFT-via-Non Profit Organizations in Malaysia</i> telah diadakan bersama kementerian/agensi yang berkaitan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Badan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)/Ahli Akademik/Pakar termasuk JPPM.
23 Julai 2021	Mesyuarat Tertinggi Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC) Bil.2/2021.

7 Penambahbaikan Pengurusan Data Parti Politik



Selaras dengan peredaran teknologi semasa, JPPM telah membangunkan satu lagi sistem penyampaian dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Capaian Elektronik Pengurusan Parti Tahunan (eXcess). Sistem eXcess adalah kaedah baharu dalam pengurusan pertubuhan kategori politik yang dikhaskan untuk penghantaran penyata tahunan kepada JPPM.

Sistem ini dibangunkan sebagai salah satu inisiatif tambahan bagi sistem penyampaian dalam talian JPPM. Inisiatif ini telah diambil memandangkan penghantaran penyata tahunan pertubuhan kategori politik sebelum ini adalah secara manual. Mengikut statistik parti politik yang berdaftar dengan JPPM, terdapat sebanyak 67 induk dan 84,726 cawangan parti

politik. Melalui pembangunan sistem ini, isu lambakan fail rekod pertubuhan dan penyata tahunan bagi setiap cawangan yang perlu dikemaskini pada setiap tahun dapat ditangani secara sistematik.

Bagi tujuan pengukuhan pemahaman kepada pertubuhan, beberapa sesi taklimat mengenai pengenalan sistem eXcess ini telah diadakan kepada semua 65 Setiausaha Agung Pertubuhan Politik induk yang berdaftar dengan JPPM pada ketika itu pada 7 hingga 9 Julai 2021 secara dalam talian. Taklimat pengenalan untuk Sistem eXcess kepada cawangan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa pada tahun 2022.



Sesi Taklimat eXcess bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Politik Induk pada 7 hingga 9 Julai 2021 secara atas talian

8 Kemahiran Pengurusan Data

Selaras dengan inisiatif pembangunan dan pemerkasaan pertubuhan melalui *society to society dan society to community*, JPPM telah memperkukuhkan semula *platform* pertubuhan yang dikenali sebagai *MySociety*. Melalui pendekatan promosi dan publisiti secara berkesan, *MySociety* telah diberi nafas baharu untuk menggalakkan pertubuhan dalam memasarkan pertubuhan-pertubuhan dengan menggunakan teknologi media. Di samping itu, *platform* ini membantu pertubuhan untuk mempromosikan organisasi pertubuhan dengan menggunakan teknologi media selain mempraktikkan konsep digitalisasi dalam portal ini bagi membantu mendidik masyarakat mengenai tatacara pengurusan pertubuhan yang cemerlang.

Dalam pada masa yang sama, portal ini boleh diakses oleh ahli persatuan dan juga orang awam sebagai medium komunikasi di seluruh negara dan perkongsian maklumat boleh dilaksanakan di bawah satu bumbung selaras dengan objektif kewujudan *platform* ini di mana untuk mewujudkan ekosistem pertubuhan berkualiti tinggi sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966.

Portal *MySociety* juga mempunyai aplikasi *My NGO Assessment (MyNA)* yang berasaskan konsep sendiri dalam membantu pertubuhan-pertubuhan untuk menjalankan audit terhadap pertubuhan mereka sendiri. Tujuan *MyNA* ini dilaksanakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada pertubuhan tentang kepentingan mematuhi perlembagaan dan Akta Pertubuhan 1966 sebagai suatu syarat pengiktirafan sesebuah pertubuhan itu. Dengan ini, mereka dapat membudayakan pertubuhan yang berkualiti dan berdaya saing.

Pada 25 Mac hingga 6 April 2021, beberapa sesi latihan dengan penglibatan pertubuhan yang berdaftar iaitu Setiausaha Pertubuhan telah diadakan untuk pengisian maklumat dalam portal secara atas talian menggunakan *platform Google Meets* mengikut zon dan negeri seperti yang tertera dalam **Jadual 12** di bawah:

BIL	TARIKH	MASA	ZON	NEGERI
1.	25 Mac 2021		Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang
2.	29 Mac 2021	09.30 Pagi	Utara	Perlis, Pulau Pinang dan Kedah
3.	04 April 2021	sehingga	Tengah	Selangor, WPKL dan Perak
4.	05 April 2021	01.00 Petang	Selatan	Johor, Negeri Sembilan dan Melaka
5.	06 April 2021		Borneo	Sarawak, Miri dan Sabah

Jadual 12: Jadual Sesi Latihan Portal *MySociety* mengikut Zon dan Negeri

9 Sinergi Pertubuhan

Pada tahun 2021, terdapat dua (2) Program Bual Bicara yang telah dilaksanakan. Pandangan dan cadangan yang diterima melalui program ini akan selaraskan bagi penyediaan maklumat yang boleh dijadikan input atau

resolusi dalam penggubalan dasar-dasar baru berkaitan pemerkasaan pertubuhan. **Jadual 13** dan **Jadual 14** di bawah berikut adalah maklumat mengenai program-program tersebut.



Forum Bual Bicara Pengurusan Pertubuhan Cemerlang pada 30 Ogos 2021 secara Zoom Meeting

NAMA PROGRAM	Bual Bicara Pengurusan Pertubuhan Bersama Ikon Pertubuhan
OBJEKTIF	Mengupas dan mengenal pasti gerakan pertubuhan yang boleh mempengaruhi dan memberi perubahan kepada dasar-dasar Kerajaan.
TARIKH	30 Ogos 2021
PANEL PENCERAMAH (SECARA FIZIKAL)	<ul style="list-style-type: none"> • YM Raja Datin Riza Shazmin Raja Badrul Shah [Naib Presiden II, <i>Malaysian Medical Relief Society (MERCY)</i>] • Dato' Nadzim Johan [Pengerusi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)] • Dr. Muhammad Yusri Musa [Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)]
KEHADIRAN	171 orang secara atas talian (<i>online</i>) melalui saluran Aplikasi <i>Youtube</i> JPPM dan <i>Zoom Meeting</i>

Jadual 13: Maklumat Mengenai Program Bual Bicara Pengurusan Pertubuhan Cemerlang

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Bual Bicara
EVOLUSI KESIHATAN MENTAL
Semasa Pandemik

MODERATOR
ARIS ABDUL RAHMAN

PROF. MADYA DR. AZLIN
BT. BAHARUDIN
(KETUA JABATAN PSIKIATRI, PPUKM)

PUAN ANITA
BT. ABU BAKAR
(PRESIDEN PERTUBUHAN MENTAL
ILLNESS AWARENESS & SUPPORT
ASSOCIATION - MIASA)

PLATFORM ZOOM
MEETING ID: 951 9509 5856
PASS CODE: 786863
Semua dijemput hadir.

TARIKH
29 JULAI 2021 (KHAMIS)
MASA
10.00 AM - 12.00 PM

<https://www.ros.gov.my/> <https://mysociety.ros.gov.my/> <https://www.facebook.com/JPPM.Malaysia/> Youtube Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia JPPM

Program Bual Bicara Kesihatan Mental pada 29 Julai 2021 secara atas talian

NAMA PROGRAM	Bual Bicara Kesihatan Mental
OBJEKTIF	Mengupas isu-isu kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental terutama sekali semasa Pandemik Covid-19 ini.
TARIKH	29 Julai 2021
PANEL PENCERAMAH (ATAS TALIAN)	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Madya Dr. Azlin Baharudin [Ketua Jabatan Psikiatri, Agensi Pakar Perubatan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)] • Puan Anita binti Abu Bakar [Presiden <i>Mental Illness Awareness and Support Association</i> (MIASA)]
KEHADIRAN	122 orang secara atas talian (<i>online</i>) melalui saluran Aplikasi Youtube JPPM dan Zoom Meeting

Jadual 14: Maklumat Mengenai Program Bual Bicara Kesihatan Mental






BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

PENGENALAN BAHAGIAN

Bahagian Penguatkuasaan merupakan sebahagian dari bahagian utama yang bertanggungjawab mengurus dan menyelaras perkhidmatan teras (*core business*) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) iaitu memperkasakan penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832], memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang tubuh pertubuhan dan dasar-dasar negara, memperkasakan pertubuhan ke aras pembangunan dan kesejahteraan rakyat serta kawalan dan pemantauan pertubuhan yang lebih efisien. Peranan dan fungsi Bahagian Penguatkuasaan ialah menjalankan siasatan terhadap aduan dan membuka kertas siasatan (KSA), membuat pemeriksaan bernois dan tanpa notis, risikan dan operasi terhadap pertubuhan bagi memastikan setiap pertubuhan mematuhi Akta Pertubuhan 1966 dan perlembagaan pertubuhan. Menjalinkan kerjasama bersama Agensi Penguatkuasaan yang lain seperti Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain Agensi Penguatkuasaan dalam negara untuk memantau setiap aktiviti pertubuhan yang berdaftar. Di samping itu, Bahagian Penguatkuasaan juga berperanan dalam

memberi khidmat nasihat berkaitan Akta Pertubuhan 1966 kepada pertubuhan yang memerlukan.


Pada tahun 2021, Bahagian Penguatkuasaan telah meneruskan kesinambungan perkhidmatan Jabatan berdasarkan perancangan yang telah digariskan di dalam Pelan Strategik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (PSJPPM) Lima Tahun (2021-2025). Terdapat program dan aktiviti jabatan yang telah dilaksanakan dan ditambah baik agar selari dengan keperluan dasar semasa dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik. Program yang dijalankan adalah seperti berikut:

-  Usaha Pencegahan Jenayah Bersama Komuniti Pendakwaan ke atas Pertubuhan yang melanggar Akta Pertubuhan 1966
-  Pemerkasaan SOP Siasatan
-  Penambahbaikan Pengurusan Dokumen Pertubuhan
-  Kolaborasi Strategik bersama PDRM/SPRM/JIM/JPN
-  Sinergi Ros (Mewujudkan Pegawai Perhubungan (LO) PDRM).

1 Pemeriksaan Dan Penguatkuasaan Ke Atas Pertubuhan

Bahagian Penguatkuasaan JPPM telah menjalankan pemeriksaan bernois dan tanpa notis terhadap pertubuhan berdaftar secara berterusan bermula Januari 2021 sehingga Disember 2021. JPPM WPKL telah mencatatkan jumlah pemeriksaan tertinggi iaitu 337 pertubuhan seterusnya diikuti oleh JPPM

P.Pinang berjumlah 317 pertubuhan. JPPM Perlis pula mencatatkan jumlah pemeriksaan terendah iaitu sebanyak 11 pertubuhan sahaja. **Jadual 1** di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan pemeriksaan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan JPPM sepanjang tahun 2021.



Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Pemeriksaan Tahun 2021

2 Pemeriksaan Pertubuhan Mengikut Kategori

JPPM telah meletakkan tiga kategori utama iaitu kebajikan, keagamaan dan rekreasi untuk pemeriksaan bagi tahun 2021. Bagi kategori kebajikan, JPPM Selangor telah mencatatkan pemeriksaan tertinggi iaitu 128 pemeriksaan diikuti oleh JPPM Pulau Pinang sebanyak 121 pemeriksaan. Bagi kategori keagamaan pula, JPPM WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang masing-masing telah mencatatkan jumlah pemeriksaan tertinggi sebanyak 113 pemeriksaan diikuti oleh

JPPM Selangor sebanyak 81 pemeriksaan. Bagi kategori rekreasi, JPPM WP Kuala Lumpur telah mencatatkan pemeriksaan tertinggi berjumlah 111 pemeriksaan seterusnya diikuti oleh JPPM Selangor berjumlah 89 pemeriksaan. **Jadual 2** di bawah menunjukkan statistik jumlah keseluruhan pemeriksaan yang dibuat oleh JPPM Negeri mengikut kategori yang dinyatakan.


Jadual 2 : Kategori Mengikut Negeri

NEGERI	KATEGORI	KEBAJIKAN	KEAGAMAAN	REKREASI	PERSATUAN PENDUDUK	LAIN-LAIN
Pulau Pinang		121	113	56	0	21
Negeri Sembilan		70	51	42	0	0
Kuala Lumpur		106	113	111	1	6
Terengganu		100	10	50	0	0
Perlis		4	1	0	1	5
Sarawak		17	17	18	0	52
Kedah		104	13	19	1	0
Pahang		100	70	50	0	0
Selangor		128	81	59	5	0
Kelantan		30	3	3	1	7
Sabah		78	30	54	6	98
Melaka		51	51	53	7	7
Perak		49	40	35	0	0
Johor		6	11	6	0	0

3 Laporan Kertas Siasatan Aduan Bagi Tahun 2021

Kertas Siasatan Aduan (KSA) yang dibuka adalah bergantung kepada jumlah aduan yang diterima oleh JPPM. Bagi tempoh Jan 2021 hingga Dis 2021, JPPM Selangor telah mencatatkan KSA tertinggi berjumlah 85 KSA dan seterusnya diikuti oleh JPPM Sabah iaitu berjumlah 25 KSA. Ketiga tertinggi pula JPPM Ibu

Pejabat berjumlah 16 KSA (Parti Politik). JPPM Perlis dan JPPM Kelantan mencatatkan tiada KSA dibuka sepanjang tahun 2021. **Jadual 3** menunjukkan jumlah keseluruhan KSA yang dibuka mengikut pecahan setiap JPPM Negeri.




Jadual 3 : Jumlah KSA Setiap Negeri

4 Penguatkuasaan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966

Pemeriksaan ke atas pertubuhan dilaksanakan meliputi pemeriksaan bernotis dibawah Seksyen 63 Akta Pertubuhan 1966, pemeriksaan tanpa notis di bawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966. Namun kaedah paling banyak yang dilaksanakan ialah melalui pemeriksaan bernotis sebanyak 2319 manakala

pemeriksaan tanpa notis sebanyak 16 pemeriksaan. Jumlah keseluruhan pemeriksaan bagi tahun 2021 berjumlah 2335 dan jumlah Kertas Siasatan Aduan (KSA) yang dibuka pada tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 4** di bawah.



Jadual 4 : Penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966



Pemeriksaan **BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**





BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

1 Unit Sumber Manusia

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) bertanggungjawab dalam menguruskan aspek sumber manusia, kewangan dan khidmat pengurusan jabatan. Modal insan merupakan aspek penting kepada kejayaan organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan bidang tugas dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan sentiasa relevan serta menepati keperluan dan kehendak semasa pelanggan.

1.1 Perjawatan

Struktur perjawatan Jabatan terbahagi kepada dua, iaitu perjawatan di peringkat Ibu Pejabat dan peringkat Negeri. Jawatan tertinggi di Jabatan adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred JUSA C dengan gelaran Ketua Pengarah/

Pendaftar Pertubuhan Malaysia serta dibantu oleh seorang PTD Gred M54 dengan gelaran Timbalan Ketua Pengarah/ Timbalan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Pejabat-Pejabat JPPM Negeri diketuai oleh seorang Pengarah daripada skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 dan Gred M44 (bagi Negeri Melaka, Perlis dan Negeri Sembilan). Jumlah keseluruhan perjawatan adalah sebanyak 267 jawatan meliputi satu (1) jawatan Pengurusan Tertinggi, 30 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 236 jawatan Kumpulan Sokongan. Kedudukan perjawatan dan pengisian bagi semua kumpulan sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH PERJAWATAN	JUMLAH PENGISIAN
1.	Pengurusan Tertinggi	1	1
2.	Pengurusan dan Profesional	30	28
3.	Sokongan	236	221
	JUMLAH	267	250

1.2 Penghargaan Kepada Pegawai Yang Cemerlang



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 telah diadakan pada 25 Jun 2021 secara *hybrid* iaitu secara fizikal dan secara atas talian sebagai salah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai JPPM berdasarkan kepada prestasi tahun yang dinilai dan telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berprestasi tinggi. Pemberian anugerah ini merupakan satu kaedah ganjaran sekaligus menjadi motivasi untuk meningkatkan mutu kerja dan produktiviti dan pada masa yang

sama mengekalkan sahsiah peribadi pegawai pada tahap yang terbaik.

Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan Jabatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2020. Penerima-penerima Anugerah adalah terdiri daripada 4 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 16 orang pegawai Kumpulan Sokongan I (Gred 17-36).



1.3 Modal Insan Teras Kecemerlangan

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam meningkatkan pembangunan kapasiti modal insan, JPPM melaksanakan program pembangunan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Program pembangunan kapasiti bertujuan untuk

meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JPPM dalam pengurusan pertubuhan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pengurusan teknologi maklumat serta bidang lain yang berkaitan. Program Pembangunan Kapasiti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Bengkel Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Minit Mesyuarat dan Surat Rasmi Berkualiti	3 – 4 Februari 2021	Online
2	Persidangan Sumber Manusia	11 Februari 2021	Online
3	Bengkel Anggaran Belanja Mengurus JPPM 2022	18-19 Februari 2021	Online
4	Kursus Integriti Penjawat Awam	10 – 11 Mac 2021	Online
5	Kursus Pengurusan Emel Rasmi	15 Mac 2021	Online
6	Kursus Bina Insan dan <i>Outreach</i> Khidmat Sosial Bil.1/2021	19 - 21 Mac 2021	Taman Negara, Pahang
7	Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan CGSO	31 Mac - 1 April 2021	Bilik Mesyuarat Avira, Ibu Pejabat, JPPM
8	Kursus Pemikiran dan Penyelesaian Masalah Kreatif dan Analitikal	3 April 2021	Bilik Mesyuarat Avira, Ibu Pejabat, JPPM
9	Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Jabatan	6-8 April 2021	Online
10	Kursus Pemahaman Akta Pertubuhan 1966	19 - 21 April 2021	Hotel Dorsett Hartamas Kuala Lumpur
11	Bengkel Pembangunan Pelan Komunikasi JPPM	21 - 23 April 2021	Tamu Hotel and Suites
12	Kursus Microsoft Office (Kumpulan Sokongan 2)	5-7 Mei 2021	Hotel Seri Malaysia Port Dickson
13	Kursus Microsoft Office (Kumpulan Sokongan 1)	11-13 Ogos 2021	Bilik Mesyuarat Android, Ibu Pejabat JPPM
14	Kursus <i>Hands on Training</i> dan <i>Helpdesk Sistem Eroses</i> Bil. 1/2021	7-9 September 2021	Bilik Mesyuarat Android, Ibu Pejabat JPPM
15	Bengkel Pelan Pengurusan Risiko	30 September 2021	Online
16	Kursus Pemahaman Akta Pertubuhan 1966 Bil 2/2021	5-7 Oktober 2021	Bilik Mesyuarat Avira, Ibu Pejabat JPPM
17	Kursus CRM	5-7 Oktober 2021	Bilik Mesyuarat Android
18	Kursus Asas Siasatan Penguatkuasaan Bil. 1/2021	12-14 Oktober 2021	Corus Paradise Resort, PD
19	Bengkel Penulisan Pelan Komunikasi JPPM	14-15 Oktober 2021	Janda Baik
20	Kursus Pengurusan Perolehan	28-30 Oktober 2021	Perdana Kuala Lumpur City Centre
21	Kursus Pengurusan Aset Alih dan Pengurusan Stor	8 - 10 November 2021	Pullman Hotel Bangsar
22	Bengkel Semakan Semula Piagam Pelanggan	9-10 November 2021	Pullman Hotel Bangsar
23	Bengkel Sumber Manusia	24 November 2021	Makmal Roses BPTM
24	Taklimat Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015	29 November 2021	Online



Persidangan Sumber Manusia



Bengkel Semakan Semula Piagam Pelanggan



Bengkel Pengurusan Aset Alih dan Pengurusan Stor



Kursus Bina Insan dan *Outreach* Khidmat Sosial

1.4 Pemerkasaan Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan JPPM dilaksanakan dengan cekap dan teratur berlandaskan pekeling dan peraturan yang berkuatkuasa. JPPM juga sentiasa menekankan aspek pengukuhan modal insan, pengurusan kompetensi dan pemantapan integriti di kalangan warga JPPM.

Pada tahun 2021, peruntukan perbelanjaan mengurus JPPM yang disalurkan adalah berjumlah


RM23,952,530.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM22,198,404.75 atau 92.68% telah dibelanjakan. Peruntukan tersebut adalah digunakan untuk urusan pengoperasian jabatan meliputi pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2021 seperti pembayaran emolumen kakitangan, penganjuran mesyuarat, program rasmi jabatan, #ros_care, persidangan, bengkel, kursus dan latihan.

1.5 Peningkatan Kecekapan Dan Produktiviti Perkhidmatan

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) diwujudkan bagi memantapkan pengurusan dan pemantauan aduan sektor awam yang boleh meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan. Sistem *online* ini membantu ke arah pengurusan aduan yang lebih efisien kerana pemantauan boleh dibuat secara *real time* dan pengadu boleh mengetahui status tindakan yang diambil ke atas aduan yang dibuat 24 jam sehari tanpa perlu hadir ke pejabat JPPM. SiSPAA turut berfungsi sebagai satu pangkalan data yang mempunyai

maklumat aduan yang lengkap, tepat, selamat, berintegriti dan mudah dicapai.

Sebanyak 370 aduan yang diterima sepanjang bulan Januari hingga Disember tahun 2021. Jadual menunjukkan bahawa aduan terendah diterima pada bulan Oktober dan November iaitu sebanyak 22 aduan manakala aduan terbanyak diterima adalah pada bulan September iaitu 49 aduan. Namun begitu, JPPM telah menyelesaikan kesemua aduan dengan jayanya pada masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh lima hari bekerja berdasarkan piagam pelanggan Jabatan.





Bengkel Pelan Komunikasi JPPM Siri 1
22-23 April 2021

1.6 Komunikasi Asas Kecemerlangan Jabatan

Menyedari kepentingan aspek pengurusan komunikasi jabatan maka Pelan Komunikasi JPPM ini telah dibangunkan sejajar dengan hasrat Pengurusan Tertinggi JPPM untuk meningkatkan imej korporat dan menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan kepada stakeholders. Pelan ini menetapkan Inisiatif Pemerkasaan Pengurusan Komunikasi yang mengandungi tiga strategi iaitu Memantapkan Aktiviti Promosi/ Hebahan, Memperkukuhkan Medium Komunikasi dan Peluasan Kolaborasi Strategik.



Bagi melancarkan proses penyediaan Pelan Komunikasi JPPM, sebanyak 2 bengkel telah diadakan bertujuan merancang, menyemak dan memurnikan Pelan Komunikasi JPPM. Bengkel tersebut melibatkan Unit Komunikasi Korporat dan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) JPPM Negeri serta seorang pegawai setiap bahagian di Ibu Pejabat.



Bengkel Penulisan Pelan Komunikasi JPPM Siri 2
14-15 Oktober 2021

1.7 Inovasi Pemangkin Perkhidmatan



Program Pembudayaan Inovasi telah diadakan pada 20-22 Oktober 2022 bagi memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga JPPM. Program ini juga diadakan adalah untuk memberikan pengiktirafan serta penghargaan kepada warga jabatan yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan jabatan.

Pelbagai projek inovasi yang dihasilkan melalui penyertaan dari semua JPPM Negeri. Melalui pertandingan projek inovasi ini, JPPM Negeri Selangor telah terpilih sebagai johan dengan projek inovasi "SELAMAT 4 NGO".

PEMENANG ANUGERAH INOVASI JPPM 2021





BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1 Pengurusan Dan Pentadbiran BPTM


Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) merupakan bahagian yang berfungsi menjadikan ICT sebagai pemacu dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di JPPM. Fungsi utama BPTM adalah untuk memastikan pengurusan peralatan dan sistem-sistem ICT dilaksanakan dengan cekap dan efisien. BPTM bekerjasama rapat dengan semua bahagian termasuk di JPPM Negeri dalam membangun dan menyelenggara sistem agar menepati kehendak dan fungsi masing-masing serta

memberikan perkhidmatan teknikal ICT yang terbaik bagi membantu meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Bahagian ini terbahagi kepada tiga unit iaitu Unit Kerajaan Digital, Unit Infrastruktur dan Keselamatan ICT serta Unit Dasar dan Khidmat Operasi yang mempunyai fungsi utama masing-masing.


Antara fungsi-fungsi utama setiap unit yang dijalankan adalah seperti berikut:

1.1 Fungsi-Fungsi Utama Unit Kerajaan Digital




1.2 Fungsi-Fungsi Utama Unit Infrastruktur Dan Keselamatan ICT





- 1 Menguruskan sistem rangkaian (LAN, WIFI, PCN dan MyGovnet)
- 2 Menguruskan dan memastikan tahap keselamatan (infrastruktur, DRP, DRC, rangkaian dan aset ICT JPPM)
- 3 Menguruskan keperluan, teknikal (montaj, infografik, majlis Jabatan)
- 4 Menguruskan keperluan BPTM bagi menggunakan perkhidmatan infrastruktur Pusat Data Sektor Awam (PDSA) MAMPU
- 5 Menguruskan keperluan *Virtual Private Network* (VPN) bagi warga JPPM
- 6 Pematuhan terhadap pensijilan ISO/IEC 27001: 2013 *Information Security Management System* (ISMS) JPPM
- 7 Memastikan pengemakninan dokumen DRP dan Ketersediaan DRC JPPM






1.3 Fungsi-Fungsi Utama Unit Dasar Dan Khidmat Operasi



1.4 Piagam Pelanggan BPTM

-  Membangunkan sistem aplikasi secara dalaman dalam tempoh **dua belas (12) bulan** berdasarkan kapasiti keperluan selepas pengesahan pengguna.
-  Menyelesaikan masalah yang tidak melibatkan perubahan struktur sistem bagi aplikasi dan perisian dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.
-  Memastikan aduan kerosakan peralatan ICT yang diterima diberi maklum balas awal dalam tempoh **satu (1) jam**.
-  Menyedia dan membentangkan Laporan Ketirisan Data kepada CIO dan ICTSO JPPM dalam tempoh **24 jam**.

-  Memastikan permohonan akaun e-mel oleh pengguna diproses dalam tempoh **tiga (3) hari** selepas borang permohonan lengkap diterima.
-  Memberi keputusan permohonan perkhidmatan khidmat sokongan dan/atau pinjaman peralatan ICT dalam tempoh **satu (1) hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
-  Menyelesaikan kerosakan peralatan ICT yang tidak melibatkan penggantian alat ganti dan tidak melibatkan kontraktor di Ibu Pejabat JPPM dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

2 Pencapaian Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) Bagi Tahun 2021

BPTM sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan melalui ICT dipertingkatkan seterusnya memastikan pelaksanaan ICT Jabatan dilaksanakan berdasarkan peredaran semasa

2.1 Usaha Ke Arah Memperkukuh Infrastruktur

Tahun 2021 menyaksikan BPTM telah meneruskan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan ICT kepada pengguna melalui naik taraf Laman Web Rasmi JPPM, Sistem MyLatihan JPPM dan Portal MySociety.

(a) Laman Web Rasmi JPPM

Laman Web Rasmi JPPM yang telah dinaik taraf pada tahun 2021 boleh dicapai melalui laman sesawang <https://www.ros.gov.my> yang mana merupakan salah satu platform penyebaran maklumat JPPM secara rasmi kepada orang awam. Kajian dan pengemaskinian Laman Web Rasmi JPPM dijalankan sepanjang



Laman Web Rasmi JPPM

masa selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan laman web sebagai saluran rasmi di dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi Sektor Awam kepada orang awam.

Antara perkhidmatan yang terdapat di dalam Laman Web Rasmi JPPM termasuklah:

- i** Perkhidmatan Semakan JPPM:
 - Semakan Status Pertubuhan;
 - Semakan Ahli Jawatankuasa; dan
 - Semakan Senarai Hitam.
- ii** Panduan pengurusan pertubuhan;
- iii** Statistik pertubuhan terkini;
- iv** Kod tadbir urus baik pertubuhan (COGG);
- v** Soalan lazim pengurusan pertubuhan (FAQ);
- vi** Capaian ke Sistem Kursus Asas Pengurusan Pertubuhan;
- vii** Capaian ke Portal *MySociety*, Sistem

viii

eROSES dan sistem-sistem utama lain; Hebahan informasi terkini JPPM dan Pelan Pemulihan Negara (PPN); serta Kemudahan *Chatbot* JPPM.

ix

Laman Web Rasmi JPPM merupakan salah satu pendekatan di mana orang awam boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran JPPM. Laman PPN JPPM yang telah diwujudkan di Laman Web Rasmi JPPM pada tahun 2020 telah ditambah baik selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan pergerakan (PKP) bagi memaparkan maklumat berkaitan *Standard Operating Procedure* (SOP), soalan lazim dan lain-lain hebahan daripada JPPM berkaitan tadbir urus pertubuhan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Jumlah capaian Laman Web Rasmi JPPM sehingga kini adalah sebanyak 1,298,019.

b Sistem MyLatihan JPPM

Sistem MyLatihan sedia ada merupakan sistem yang dibangunkan secara *outsourse* yang hanya digunakan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) di Ibu Pejabat JPPM sahaja. Seiring dengan keperluan semasa, sistem ini perlu dinaik taraf agar dapat diperluaskan penggunaannya ke JPPM Negeri bagi memenuhi kehendak *stakeholder* dan pihak Pengurusan Tertinggi JPPM.

Antara modul yang terdapat dalam Sistem MyLatihan JPPM adalah seperti berikut:

- i** Modul Katalog Kursus;
- ii** Modul Takwim Kursus;
- iii** Modul Pengurusan Kursus sehingga sijil kursus dijana;
- iv** Modul Nota Kursus;
- v** Modul Merekod Kursus;
- vi** Modul Pembelajaran Interaktif;



Sistem MyLatihan JPPM

- vii Modul Analisa Latihan;
- viii Modul Maklum Balas; dan
- ix Modul *Chatbot*.

Sistem MyLatihan JPPM boleh diakses oleh kategori pengguna berikut:

- i Penyelaras Kursus;
- ii Penyelia Kursus;

- iii Unit Sumber Manusia; Pengguna; dan Pentadbir.

Sistem MyLatihan JPPM yang telah dinaik taraf baharu diakses melalui pautan <https://mylatihan.ros.gov.my/>.

C Portal MySociety

Portal *MySociety* telah dibangunkan pada tahun 2019 untuk mempromosikan dan memasarkan organisasi awam menggunakan teknologi media yang mana boleh diakses oleh ahli jawatankuasa pertubuhan termasuklah orang awam.

Aktiviti penambahbaikan Portal *MySociety* telah dilaksanakan pada tahun 2021 agar sejajar dengan konsep digitalisasi yang membantu serta mendidik masyarakat berkaitan tatacara pengurusan pertubuhan lebih cemerlang. Antaranya sasaran utama portal ini adalah seperti berikut:

- i *Government-to-society*;
- ii *Society-to-society*; dan
- iii *Society-to-community*.

Portal *MySociety* membolehkan pertubuhan untuk mengemaskini kandungan secara aktif mengikut kategori seperti kebajikan, sosial dan lain-lain. Portal ini boleh diakses melalui pautan <https://mysociety.ros.gov.my>.



Portal MySociety

Selain itu, BPTM juga telah membangunkan beberapa sistem dalam JPPM termasuklah Sistem Pemutihan, Sistem Cuti dan MC *MySTEP* dan Sistem *Warroom*.

d Sistem Pemutihan

Sistem Pemutihan dibangunkan untuk mengendalikan fail dan borang fizikal bagi parti politik yang berdaftar di JPPM. Sistem ini mempunyai tujuh (7) seksyen yang digunakan untuk penyimpanan fail, borang pendaftaran baharu dan pelupusan fail permohonan pertubuhan baharu.

Seksyen 1 membenarkan carian penyata tahunan boleh dilaksanakan diikuti dengan Seksyen 2 bagi pembukaan fail baharu untuk parti politik yang berdaftar. Seterusnya Seksyen 3 membolehkan permohonan pindaan nama/alamat untuk parti politik yang berdaftar. Sistem Pemutihan juga mempunyai

fungsi pelupusan untuk fail di bawah Seksyen 4 yang dinamakan sebagai Pelupusan Fail NGO.

Seksyen 5 bagi tulisan berwarna hijau adalah laman untuk carian notis sedia ada atau mencipta notis 14 (2) baharu. Manakala Seksyen 5.2 dengan tulisan berwarna kuning merupakan senarai nama pertubuhan yang tidak menghantar penyata tahunan dan bercadang untuk membatalkan pertubuhan. Seksyen 6 adalah untuk pengurusan bilik fail bagi mencari penyata tahunan setiap pertubuhan yang disimpan. Seksyen 7 membolehkan permohonan menubuhkan cawangan baharu di peringkat negeri/daerah bagi parti politik terpilih.

Di bawah menu pengurusan juga terdapat statistik penyata tahunan, tambahan parti politik baharu, tambahan senarai *table* dan juga tambahan cawangan bahagian dan parti.



**SISTEM PEMUTIHAN
PARTI POLITIK**

No Kad Pengenalan:

Password:


LOG IN

© 1966-2022

Ⓔ Sistem Cuti dan MC MySTEP


Sistem Cuti dan MC MySTEP ini dibangunkan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bagi

menguruskan rekod cuti tahunan dan cuti sakit kakitangan MySTEP dengan membolehkan kakitangan MySTEP memohon dan menyemak cuti rehat serta cuti sakit secara dalam talian.



Sistem Cuti dan MC MySTEP

① Sistem Warroom



Sistem Warroom

Sistem *Warroom* dibangunkan untuk merekodkan program/ aktiviti yang dilaksanakan oleh JPPM sepanjang tahun. Sistem *Warroom* boleh diakses oleh kakitangan yang berdaftar di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri. Sistem ini dibangunkan agar status terkini program/ aktiviti yang terkini boleh dipantau secara dalam talian oleh pihak Pengurusan Tertinggi JPPM.

Di samping aktiviti pembangunan dan naik taraf sistem/aplikasi, BPTM juga turut melaksanakan penyelenggaraan bagi sistem-sistem sedia ada. Maklum balas daripada penggunaan sistem-sistem ini akan digunakan bagi proses penambahbaikan berterusan seiring dengan keperluan semasa.

3 Pembangunan Profil ICT JPPM Tahun 2021



Buku Profil ICT JPPM

BPTM telah menerbitkan Buku Profil ICT Tahun 2021 bagi mendokumentasikan maklumat-maklumat peralatan, perisian, sistem aplikasi dan bisnes-bisnes utama ICT yang lain di JPPM. Buku ini ditampilkan sebagai *blueprint* kedudukan *as-is business* ICT JPPM untuk dijadikan sebagai rujukan yang praktikal dalam memacu dan melestarikan kecemerlangan ICT di JPPM selain daripada Pelan Strategik ICT (PSICT) JPPM (2021-2025).

Kandungan buku profil ini melibatkan komponen pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi, kontrak-kontrak ICT JPPM, perkakasan, perisian serta projek-projek ICT yang diluluskan di bawah Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM serta kursus-kursus teknikal ICT bagi meningkatkan tahap kompetensi personel ICT JPPM khususnya dan warga JPPM amnya.

Buku Profil ICT JPPM ini akan dikemaskini secara tahunan oleh BPTM selaras dengan keperluan semasa.

4 Memperkukuh Penyelarasan Aset ICT JPPM

Naziran aset ICT JPPM dilaksanakan untuk menyemak status bagi setiap peralatan ICT sedia ada dan sewaan yang ditempatkan di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM Bil. 2/2021 telah bersetuju agar aktiviti perakuan pelupusan turut dilaksanakan terhadap peralatan ICT sedia ada yang telah didaftarkan pada tahun 2010 dan ke bawah serta peralatan ICT gantian yang diterima oleh JPPM.

Kedua-dua aktiviti ini melibatkan lima (5) lokasi seperti berikut:

- Ibu Pejabat JPPM;
- JPPM Johor;
- JPPM Terengganu;
- JPPM Kelantan; dan
- JPPM Pahang.

Perincian aktiviti Naziran dan Perakuan Pelupusan Aset ICT di semua lokasi adalah seperti berikut:

JPPM NEGERI	KOMPUTER	KOMPUTER RIBA	PENCETAK	MOBILE PRINTER	PROJECTOR	PENGIMBAS	TABLET	JUMLAH
Johor	29	13	9	2	18	2	-	78
Kelantan	11	12	4	2	10	2	3	47
Terengganu	21	12	6	2	8	2	3	58
Pahang	24	12	8	2	11	2	-	64

● Sedia Ada ● Sewaan

Senarai Naziran Aset ICT JPPM Tahun 2021

JPPM NEGERI	KOMPUTER	KOMPUTER RIBA	PENCETAK	MOBILE PRINTER	PROJECTOR	PENGIMBAS	TABLET	UPS	SERVER	JUMLAH
Ibu Pejabat	-	3	-	1	-	2	-	1	8	15
Johor	8	6	14	-	1	1	-	-	-	30
Kelantan	12	2	6	-	1	1	1	-	-	23
Terengganu	4	-	4	-	3	1	-	-	-	12
Pahang	11	-	6	-	-	2	-	-	-	19

Senarai Perakuan Pelupusan Aset ICT JPPM Tahun 2021

Semua aktiviti bagi lima (5) lokasi telah selesai dilaksanakan pada 2 Disember 2021

5 Pengukuhan Keselamatan Maklumat

Seiring dengan peralihan kepada dunia digital, JPPM juga telah mengorak langkah dengan menggunakan ICT sebagai tunjang dalam penyampaian perkhidmatan. Kebergantungan kepada teknologi ICT atau maklumat ini mendedahkan JPPM kepada ancaman-ancaman ataupun bahaya yang datang daripada dunia siber. Pengukuhan keselamatan maklumat merupakan salah

satu kaedah proaktif bagi memastikan setiap ancaman dan risiko dikenal pasti dan tindakan penguraian serta langkah pencegahan awal diambil. BPTM selaku pemudah cara kepada penggunaan dan pelaksanaan ICT di JPPM telah mengambil beberapa langkah bagi pengukuhan keselamatan maklumat sepanjang tahun 2020.

Antaranya adalah:

a) Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)



Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013
Information Security Management
System (ISMS)

Pensijilan ISMS merupakan salah satu langkah yang diperkenalkan Kerajaan bagi memastikan keselamatan maklumat Sektor Awam terutama yang melibatkan penyampaian perkhidmatan terjamin. Mula dilaksanakan pada tahun 2017, JPPM telah meneruskan penguatkuasaan *standard* ISMS sehingga 2020 bagi skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Ke Atas Pengurusan Maklumat Elektronik Pertubuhan Bukan Politik Menggunakan Sistem eROSES di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM (Kali Kedua) yang telah diadakan pada 23 November 2020 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan peluasan skop pensijilan ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS)* JPPM ke lima (5) JPPM Negeri bagi tempoh 2021-2025 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pelan Strategik ICT JPPM (2021-2025) yang melibatkan lokasi-lokasi berikut:

BIL	TAHUN	JPPM NEGERI
1.	2021	JPPM Melaka
2.	2022	JPPM Negeri Sembilan
3.	2023	JPPM Perlis
4.	2024	JPPM Kelantan
5.	2025	JPPM Terengganu

Aktiviti peluasan skop ISMS ke JPPM Melaka telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 dan akan diteruskan ke lokasi seterusnya bagi tahun-tahun akan

datang. Antara aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan ISMS di JPPM sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS Bil. 1/2021	19 Mac 2021
2.	Bengkel Penilaian Risiko ISMS JPPM	16 – 18 Jun 2021
3.	Taklimat Kesedaran Dokumen ISMS bagi Pasukan Pelaksana ISMS JPPM	3 Jun 2021
4.	Audit Dalam ISMS JPPM	27 – 28 Julai 2021
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Bil. 1/2021	30 Jun 2021
6.	Audit Pemantauan Tahun 1 ISMS oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd.	19 – 20 Ogos 2021
7.	Taklimat Kesedaran ISMS bagi warga JPPM Ibu Pejabat	29 Jun 2021
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS Bil. 2/2021	13 Ogos 2021
9.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Bil. 2/2021	26 November 2021

Aktiviti Pelaksanaan ISMS di JPPM Sepanjang Tahun 2021

b) Perkhidmatan Pengurusan Keselamatan Web dan Perkakasan Firewall berserta Penyelenggaraan; dan

Perkhidmatan ini telah memasuki tahun ketiga oleh syarikat yang dilantik. Penggunaan peralatan keselamatan ICT JPPM digunakan secara optimum untuk mengawal dan memantau trafik serta transaksi ke internet bagi semua peralatan ICT JPPM. Tahap keselamatan yang tinggi bagi peranti ICT di JPPM merupakan objektif utama bagi memastikan capaian ke internet yang dilakukan oleh pengguna JPPM adalah selamat dan terjamin.

Selain daripada itu, sistem-sistem JPPM juga telah dipasang dengan Sijil *Secure Socket Layer (SSL)* bagi memastikan sistem tersebut selamat untuk diakses serta selamat daripada serangan siber. Sijil SSL ini menggunakan sepenuhnya perkhidmatan yang disediakan oleh pihak MAMPU sebagai agensi yang menyediakan keperluan ICT Kerajaan.

c) Hebahan Tips Keselamatan ICT JPPM.

Tips Keselamatan ICT telah dihebahkan kepada seluruh warga JPPM melalui aplikasi Kaseya sekurang-kurangnya sebulan sekali. BPTM telah berjaya membuat hebahan sebanyak 12 tips sepanjang tahun 2021. Tujuan hebahan tips ini adalah untuk memberi maklumat tambahan, peringatan dan sebagai salah satu medium meningkatkan kesedaran warga JPPM mengenai langkah-langkah keselamatan atau cara-cara aduan dan lain-lain lagi maklumat berkaitan persekitaran kerja JPPM. Antara maklumat yang disampaikan adalah seperti berikut:



Tekan kekunci "Esc" untuk keluar.

TIP KESELAMATAN ICT #1



Memastikan komputer anda sentiasa di *log off* apabila anda tiada di dalam bilik atau pejabat. **JANGAN** membenarkan pihak lain menggunakan komputer anda tanpa kebenaran bagi memastikan keselamatan data anda sentiasa terjamin.

DKICT JPPM 7.2.4 : Clear Desk dan Clear Screen bermaksud tidak meninggalkan bahan-bahan yang sensitif terdedah sama ada atas meja pengguna atau di paparan skrin apabila pengguna tidak berada di tempatnya.

JANGAN SEBAR BERITA PALSU COVID-19
TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI!

BACA Baca isi kandungan berita atau maklumat yang diterima

SEMAK Ambil masa untuk menyemak kesahihan dan fakta maklumat tersebut

SEBAR Setelah mendapat kepastian barulah berkongsi dengan rakan yang lain

DISEDIAKAN OLEH: BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPPM, PUSAT PUNDAKARAN PERKHIDMATAN MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPPM

JANGAN KLIK PADA EMEL YANG TIDAK DIKENALI DAN VIDEO LUAR YANG MEMINTA MEMASUKKAN ID DAN KATA LALUAN MEDIA SOSIAL

JANGAN MENDEPAHKAN SEBARANG MAKLUMAT RASMI

ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

ELAKKAN ISU-ISU YANG MELIBATKAN AGENSI ATAU BERBENTUK SERANGAN PERIBADI

JANGAN MENGGUNAKAN ALAMAT E-MAIL RASMI DALAM AKAUN PERIBADI MEDIA SOSIAL

DISEDIAKAN OLEH: BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPPM

TANGGUNGJAWAB MENJAGA PERALATAN SEWAAN ICT
DISEDIAKAN OLEH: BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUAN MALAYSIA

ANDA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA DALAM MENJAGA DAN MENGGUNAKAN PERALATAN ICT TERSEBUT DENGAN BAIK.

ROSAK? BUAT ADUAN KE To : helpdesk@econtent.com.my
CC : helpdesk_ict.ros@moha.gov.my

HILANG? Tanggungjawab anda untuk mengganti peralatan / aksesori tersebut.

TIP MELAYARI INTERNET DENGAN SELAMAT

- ★ Pastikan versi perisian pelayan (browser) sentiasa dikemaskini.
- ★ Tidak melayari laman web yang mencurigakan.
- ★ Fikir dahulu sebelum *upload* maklumat rasmi atau peribadi di internet.

DISEDIAKAN OLEH: BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPPM

6 Pembangunan Pelan Pemulihan Bencana ICT (DRP-ICT)

Pelan Pemulihan Bencana ICT (DRP-ICT) telah dibangunkan sebagai panduan kepada Pasukan Pemulihan Bencana ICT JPPM sekiranya berlaku sebarang gangguan seperti bencana alam atau gangguan yang disebabkan

perbuatan manusia sehingga menyebabkan perkhidmatan ICT JPPM tergendala. DRP-ICT JPPM mengandungi proses, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan persiapan pemulihan ke atas sistem dan aplikasi kritikal di JPPM.



Buku Pelan Pemulihan Bencana ICT (DRP-ICT)

7 Perolehan Perkhidmatan Closed Circuit Television (CCTV)

Penambahbaikan fungsi pemantauan keselamatan di semua lokasi pejabat JPPM sentiasa diberi keutamaan bagi memastikan keselamatan ruang pejabat dan warga JPPM sentiasa dalam keadaan baik. Justeru, perkhidmatan sewaan peralatan dan perisian CCTV

bagi tempoh tiga (3) tahun telah diperoleh pada September 2021 sebagai salah satu kaedah kawalan keselamatan di JPPM. Sebanyak 66 unit kamera CCTV telah dipasang di seluruh pejabat JPPM bagi tujuan ini.



Rakaman CCTV

8 Kerjasama Strategik Antara Agensi Sektor Awam

Kerjasama strategik antara agensi barisan hadapan telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan ICT di JPPM. Kerjasama strategik ini melibatkan perkongsian data, integrasi

sistem dan perjanjian perkhidmatan antara agensi dalam Sektor Awam dan JPPM. Pada tahun 2021, JPPM telah melaksanakan kerjasama strategik dengan agensi dalam Sektor Awam seperti di Jadual.




BIL	AGENSI	SISTEM	TUJUAN
1.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Sistem eROSES	Integrasi Sistem eROSES dan Sistem ePP, KDN. Penyelarasan Data MyStatistik KDN Perbincangan KDN xCHANGE
2.	Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM)		Integrasi Sistem eROSES dan Sistem myIDENTITY, JPN.
3.	MAMPU	Sistem eROSES	Libat Urus Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan Secara <i>End-To-End</i> bersama MAMPU

9 Kursus Dan Sesi *Technology Update* ICT JPPM

Pelaksanaan kursus dan sesi *technology update* ICT di JPPM yang dirancang untuk awal tahun 2021 tergendala disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kursus dan sesi *technology update* ICT secara dalaman yang

telah dianjurkan oleh BPTM bagi meningkatkan kompetensi pegawai JPPM agar lebih cekap dan berkualiti. Kursus-kursus ICT yang dianjurkan oleh BPTM bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

a Kursus Pengurusan E-mel Rasmi Jabatan

JANGKA MASA	1 hari
BILANGAN PESERTA	71 orang
OBJEKTIF KURSUS	<ul style="list-style-type: none">  Menerangkan dengan lebih terperinci tatacara penggunaan dan pengurusan e-mel kepada semua pegawai dan kakitangan JPPM;  Memastikan kemudahan e-mel JPPM digunakan dengan baik dan selamat;  Meminimalkan sebarang pemasalahan berkaitan penggunaan perkhidmatan e-mel.
TARIKH PELAKSANAAN	15 Mac 2021

b **Kursus HTML, CSS and Javascript (Intermediate Level)****JANGKA MASA**

3 hari

BILANGAN PESERTA

6 orang

OBJEKTIF KURSUS

memberikan pendedahan terhadap bahasa pengaturcaraan HTML, CSS and *Client Scripting for Internet Browser* kepada pegawai di BPTM JPPM;



Memahami dan menggunakan secara optimum bahasa pengaturcaraan bagi membangunkan sistem dan aplikasi di JPPM termasuklah:

- mengenal pasti tujuan HTML, CSS dan *Client Scripting for Internet Browser*;
- membuat reka bentuk sistem yang mudah menggunakan HTML;
- menggunakan CSS untuk mengawal gaya dan susun atur teks;
- menggunakan perpustakaan CSS seperti *Bootstrap* untuk membuat susun atur responsif;
- menggunakan pemboleh ubah dan fungsi *Client Scripting for Internet Browser*; dan
- memanipulasi kandungan laman web menggunakan *Client Scripting for Internet Browser*.



Meningkatkan kemahiran warga BPTM JPPM terhadap konfigurasi dan penggunaan teknologi HTML, CSS and *Client Scripting for Internet Browser* terkini.

TARIKH PELAKSANAAN

30 Mac 2021 hingga 1 April 2021

c **Kursus Microsoft Office Bil. 1/2021****JANGKA MASA**

3 hari

BILANGAN PESERTA

16 orang

OBJEKTIF KURSUS

Memberi pendedahan dan menambah pengetahuan warga JPPM mengenai fungsi Microsoft Word, Excel dan Powerpoint dalam penghasilan dokumen kerjayang lebih pantas dan sistematik dengan menggunakan daya dan format yang konsisten;



Meningkatkan penguasaan yang mantap semasa menggunakan software ini; dan



Memudahkan kawalan untuk setiap dokumen kerja yang telah dihasilkan.

TARIKH PELAKSANAAN

5 hingga 7 Mei 2021

d **Kursus Certified ISMS**





JANGKA MASA

5 hari

BILANGAN PESERTA

2 orang

OBJEKTIF KURSUS

-  memberikan pendedahan terhadap teknik berkaitan penilaian (audit) pelaksanaan ISMS yang akan membantu pasukan penyelarass ISMS JPPM mengendalikan sesi audit dalam dan audit pensijilan dengan lebih sistematik;
-  memudahkan pasukan penyelarass JPPM menyediakan keperluan juru audit dalam dan audit pensijilan ISMS JPPM berdasarkan senarai semak, teknik, prosedur pengauditan dan sumber pembuktian;
-  membantu pasukan penyelarass ISMS JPPM memahami dan mematuhi *standard*, polisi, prosedur dan amalan terbaik berkaitan pengauditan secara seragam; dan
-  meningkatkan keyakinan pasukan pelaksana ISMS terhadap kredibiliti pasukan penyelarass ISMS dalam menguruskan pelaksanaan ISMS di JPPM.

TARIKH PELAKSANAAN

21 hingga 25 Jun 2021

e **Kursus Microsoft Office Bil. 2/2021**




JANGKA MASA

3 hari

BILANGAN PESERTA

35 orang

OBJEKTIF KURSUS

-  Memberi pendedahan dan menambah pengetahuan warga JPPM mengenai fungsi Microsoft Word, Excel dan Powerpoint dalam penghasilan dokumen kerja yang lebih pantas dan sistematik dengan menggunakan daya dan format yang konsisten;
-  Meningkatkan penguasaan yang mantap semasa menggunakan software ini; dan
-  Memudahkan kawalan untuk setiap dokumen kerja yang telah dihasilkan.

TARIKH PELAKSANAAN

11 – 13 Ogos 2021

f Kursus Pengaturcaraan PHP (*Yii Framework*)




JANGKA MASA

3 hari

BILANGAN PESERTA

7 orang

OBJEKTIF KURSUS

-  memberikan pendedahan terhadap bahasa pengaturcaraan PHP menggunakan teknologi *Yii Framework* kepada pegawai BPTM, JPPM;
-  memahami dan menggunakan secara optimum teknologi *Yii Framework* untuk membangunkan sistem di JPPM; dan
-  meningkatkan kemahiran warga BPTM, JPPM terhadap konfigurasi dan penggunaan teknologi *Yii Framework* terkini.

TARIKH PELAKSANAAN

26 hingga 28 Oktober 2021

Selain daripada kursus-kursus ICT, BPTM turut mengadakan sesi technology update ICT kepada warga JPPM bagi tahun 2021 seperti berikut:

-  **i** *Chatbot Module And Function* pada 26 Januari 2021;
-  **ii** *Sangfor Hypercovered Infrastructure* pada 4 Jun 2021;
-  **iii** *Agile in Software Development* pada 9 Julai 2021;
-  **iv** *Mobile Office* pada 13 Julai 2021; dan *Perisian Dewan Eja Pro@10* pada 22 Oktober 2021.

10 Kertas Cadangan Yang Diluluskan JPICT JPPM Tahun 2021

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM berperanan untuk menyelaraskan dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT bagi JPPM. Sebanyak 12 kertas cadangan pelaksanaan projek ICT JPPM telah diterima dan dinilai oleh JPICT JPPM melalui

dua (2) mesyuarat yang diadakan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, hanya sembilan (9) kertas cadangan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan oleh JPICT JPPM seperti berikut:

MESYUARAT JPICT JPPM BIL. 1/2021 | 4 FEBRUARI 2021 | 10.00 PAGI

BIL	TAJUK KERTAS CADANGAN
1.	Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Menyelenggara Dan Mentauliah Peralatan Dan Perisian <i>Closed Circuit Television (CCTV)</i> Secara Sewa Guna Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Untuk Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
2.	Perolehan Perisian Pengurusan Pangkalan Data, Aplikasi Sidang Video Zoom Serta Perisian Multimedia <i>Design</i> Dan Video Editing Untuk Satu (1) Tahun Di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
3.	Perolehan Peralatan Sokongan Teknikal ICT Di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
4.	Perkhidmatan Penambahbaikan Portal MySociety Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
5.	Perkhidmatan Naik Taraf Laman Web Rasmi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Tahun 2021
6.	Perkhidmatan Naik Taraf Sistem MyLatihan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Tahun 2021

MESYUARAT JPICT JPPM BIL. 2/2021 | 27 MEI 2021 | 10.00 PAGI

BIL	PERKARA
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Utama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES) Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Secara Komprehensif
2.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan ICT Secara Komprehensif Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
3.	Perolehan Peralatan ICT Untuk Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)

11 Urus Setia Jawatankuasa Teknikal Majlis Rasmi JPPM

BPTM juga terlibat secara langsung dalam persediaan majlis-majlis rasmi Jabatan terutamanya dari segi penyediaan *slide*, montaj, video pendek dan keperluan teknikal. Sepanjang tahun 2021, BPTM telah terlibat dalam majlis-majlis utama JPPM termasuklah Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khas Kecemerlangan, Anugerah STAR, Majlis Amanat KP JPPM 2021, Program Bual Bicara

Evolusi Kesihatan Mental, Forum Bual Bicara “Vaksin Covid-19 Fakta atau Auta”, Program Pembudayaan Inovasi JPPM 2021, Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan, Penutupan Sambutan Bulan Kebangsaan, Forum Bual Bicara “Pengurusan Pertubuhan” serta persediaan teknikal mesyuarat-mesyuarat Jabatan secara dalam talian dan juga mesyuarat fizikal.

3.0 | SEGMENT KHAS

MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN DAN PEMATUHAN

Satu inisiatif baharu telah diperkenalkan di bawah **Program Taskforce** bagi mempergiat dan memperkukuh penguatkuasaan dan pematuhan ke atas pertubuhan di seluruh Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, Seksyen 14(2).

Dengan itu, Program *Taskforce* JPPM seluruh Malaysia telah diselaraskan bertujuan untuk meningkatkan pematuhan terhadap Akta Pertubuhan 1966, memastikan maklumat pertubuhan dikemaskini dan membatalkan pertubuhan-pertubuhan yang tidak aktif. *Taskforce* ini juga turut membantu untuk menyelesaikan tugas *backlog* dalam pengemaskinian penyata tahunan khususnya untuk tahun 2017 hingga 2019 bagi pertubuhan politik dan pertubuhan lain yang berdaftar di bawah JPPM.

Bagi melaksanakan Program *Taskforce* ini, seramai 102 orang *MySTEP* telah dilantik pada Mei 2021 di mana 52

orang telah ditempatkan di JPPM Negeri dan 50 orang ditugaskan di Ibu Pejabat JPPM. Program *Taskforce* di JPPM Negeri melibatkan tindakan pengeluaran notis di bawah Seksyen 14 selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 seperti berikut:

- i **Seksyen 14 (1)** – Notis Peringatan bagi Penghantaran Penyata Tahunan
- ii **Seksyen 14 (2)** – Notis Mengemukakan Maklumat
- iii **Seksyen 13 (2)** – Notis Kenyataan Sebelum Pendaftaran Dibatalkan
- iv **Seksyen 13 (1)** – Notis Perintah Pembatalan Pertubuhan

Jadual 1 menunjukkan Statistik Pengeluaran Notis di JPPM Negeri daripada bulan Mei sehingga Disember 2021.

PERKARA	TAHUN 2021								JUMLAH
	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
Pengeluaran Notis 14 (1)	4,564	3,132	861	2,402	-	-	5	115	11,079
Pengeluaran Notis 14 (2)	2,671	6,230	7,698	4,648	3,779	1,732	599	242	27,599
Pengeluaran Notis 13 (2)	1,530	235	1,091	2,032	3,067	1,800	1,266	1,481	12,502
Pengeluaran Notis 13 (1)	60	94	444	87	164	280	534	1,049	2,712

Jadual 1: Statistik Pengeluaran Notis *Taskforce* di JPPM Negeri Tahun 2021

Antara skop utama tugas yang dijalankan oleh *Taskforce* di Ibu Pejabat JPPM merangkumi kerja-kerja mendaftar penyata tahunan parti politik, merangkum penyata tahunan ke dalam fail cawangan, membuka

fail cawangan yang baharu, merekod serta menyusun atur bilik fail. Pencapaian bagi pelaksanaan Program *Taskforce* JPPM tahun 2021 adalah seperti di bawah:

PERKARA	TAHUN 2021								JUMLAH
	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
Daftar Penyata Tahunan	16,621	18,964	29,523	13,669	29,094	21,404	12,800	2,445	144,520
Rangkum Penyata Tahunan	-	-	8,550	20,327	7,301	1,244	18,663	33,232	89,317
Buka Fail Cawangan Baharu	-	-	-	2,143	1,827	4,311	3,819	1,511	13,611
Mengemas Bilik Fail	29,007	23,722	31,100	-	-	-	-	-	83,829
Pindah Bilik Fail	-	-	-	-	-	38,300	29,944	21,210	89,454

Jadual 2: Statistik Tugas-Tugas *Taskforce* Ibu Pejabat Tahun 2021

Berdasarkan **Jadual 2** menunjukkan tugas bagi kerja-kerja mendaftar penyata tahunan parti-parti politik yang dilaksanakan bermula dari bulan Mei hingga Disember 2021 adalah sebanyak 144,520. Jumlah ini adalah merangkumi penyata tahunan bagi tahun 2017 hingga 2019 termasuklah penyata tahunan bagi tahun 2016 ke bawah.

Di samping itu, tugas merangkum penyata tahunan ke dalam fail cawangan parti pula adalah sebanyak 89,317 penyata tahunan yang telah lengkap dirangkum sehingga Disember 2021. Justeru itu, baki penyata tahunan sebanyak 55,203 penyata tahunan yang belum siap dirangkum dibawa ke tahun hadapan.

Seterusnya bagi tugas membuka dan merekod fail baharu bagi cawangan parti politik adalah melibatkan kerja-kerja menguruskan proses pembukaan fail. Jumlah keseluruhan bagi kerja-kerja pembukaan fail termasuk kerja penyediaan sijil pengaktifan parti adalah sebanyak 13,611 fail.

Bagi kerja-kerja mengemaskini bilik fail atau bilik rekod pula, kerja-kerja penambahbaikan ini dilakukan dalam tempoh tiga (3) bulan pertama iaitu pada bulan Mei hingga Julai 2021 dengan mengemaskini bilik sedia ada melibatkan sebanyak 83,829 jumlah fail. Manakala, kerja-kerja pengubahsuaian bilik fail yang baharu dan kerja-kerja penyusunan fail telah mula dilaksanakan pada bulan Oktober sehingga Disember 2021 dengan sebanyak 89,454 fail cawangan bagi setiap parti termasuk cawangan yang baharu didaftarkan.

Oleh yang demikian, tempoh perkhidmatan *Taskforce* Ibu Pejabat selama lapan (8) bulan secara keseluruhannya adalah tercapai berdasarkan sasaran yang telah diberikan. Namun begitu, terdapat beberapa sasaran tugas yang tidak dicapai akan diteruskan pada tahun hadapan termasuk mengemaskini bilik pelupusan, pendaftaran fail pelupusan bagi fail-fail *Non-Governmental Organization* (NGO), pengemaskinian bilik pendua, penukaran kulit fail, pembukaan fail dan menyelesaikan kerja-kerja merangkum penyata tahunan parti.

Berikutan pengemaskinian maklumat daripada tugas-tugas *Taskforce* di Ibu Pejabat, tindakan pengeluaran notis di bawah Sekyen 14 selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 turut dilaksanakan bagi parti-parti politik yang tidak mengemukakan penyata tahunan. Berdasarkan proses pengemaskinian tersebut, sebanyak 1,092 notis Seksyen 14(2) – Notis Mengemukakan Maklumat telah dikeluarkan sehingga Disember 2021 kepada parti-parti politik yang terlibat. Proses ini akan dipantau dan diselaraskan dari semasa ke semasa agar maklumat penyata tahunan sentiasa dikemaskini dan terkini di dalam rekod JPPM.



Proses Sepanjang Pelaksanaan *Taskforce* di Ibu Pejabat



4.0 NUKILAN JABATAN

HIMPUNAN SINERGI PERTUBUHAN KEBANGSAAN (HiPER'21)

HiPER'21 merupakan platform bagi pertubuhan-pertubuhan yang telah berdaftar dengan JPPM untuk berhimpun dan bersama-sama berkongsi pengalaman mengenai tadbir urus pertubuhan yang baik serta melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan termasuklah mempromosikan produk atau perkhidmatan pertubuhan masing-masing. Himpunan ini juga boleh dijadikan platform untuk membentuk jaringan hubungan yang lebih mantap di kalangan pertubuhan / NGO yang turut serta dari seluruh Malaysia.

Selain itu, melalui program ini juga ahli-ahli pertubuhan dapat memantapkan lagi jaringan kerjasama agar dapat

sama-sama berperanan membantu dalam merealisasikan dan melaksanakan program selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

HiPER'21 ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Pertubuhan Kebangsaan yang disambut pada 1 September setiap tahun. Program ini berupaya merealisasikan matlamat Jabatan untuk memperkasa pertubuhan melalui acara dan aktiviti yang melibatkan seluruh masyarakat serta akan dapat dicapai dengan penganjurannya pasti akan membuka interpretasi pemikiran pertubuhan yang akan terbina pada masa mendatang. Program HiPER'21 ini telah diadakan secara fizikal dan secara atas talian di setiap negeri.

PROGRAM KELANGSUNGAN DAN KELESTARIAN ASNAF, 6 APRIL 2021

HOTEL ISTANA KUALA LUMPUR CITY CENTRE



PROGRAM JPPM PERLIS, 4 SEPTEMBER 2021

ARAU , PERLIS



PROGRAM SALAM CINTA BUAT SEMUA, 19 OKTOBER 2021

DAERAH BESUT,TERENGGANU



DAERAH HULU TERENGGANU



DAERAH KEMAMAN,TERENGGANU



DAERAH KUALA TERENGGANU,TERENGGANU



DAERAH MARANG,TERENGGANU



PROGRAM HiPER'21 JPPM KELANTAN, 5 SEPTEMBER 2021

KAMPUNG BUNUT SARANG BURUNG, WAKAF BHARU KELANTAN



PROGRAM PRIHATIN COVID-19, 24 SEPTEMBER 2021

MAJLIS KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG (MAKPEN)



PROGRAM SEJAHTERA BERSAMA, 6 OKTOBER 2021

KOMPLEKS KDN, PERAK



PROGRAM GEROBOK PRIHATIN, 16 OKTOBER 2021

JASIN, MELAKA





LENSA JPPM



Amanat
**KETUA
PENGARAH**



Anggaran
**BELANJA
MENGURUS
2022**

Program PEMANTAPAN ORGANISASI







Penerapan
**NILAI-NILAI
MURNI**



Majlis

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
&
ANUGERAH KHAS KECEMERLANGAN**



Bulan Sukan JPPM





Sambutan BULAN KEMERDEKAAN



Program
**PEMBUDAYAAN
INOVASI**



Lawatan
MANGSA BANJIR

6.0 CAKNA NGO













Sidang REDAKSI

LAPORAN TAHUNAN 2021
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



Penasihat

HAJI MOHD NAWARDI BIN SAAD

Ketua Pengarah JPPM

Ketua Editor

ARIS BIN ABDUL RAHMAN

*Pengarah Bahagian Sumber Manusia
dan Khidmat Pengurusan*

Editor

MD AZWARI BIN MA'AROF (UKK)

KHAIRUNNISA BINTI FAHRO ROZI (UKK)

MOHD AMARUDIN BIN MOHD OMAR (UKK)

KHAIROL NIZAM BIN MOHD NOPUS (UKK)

Penyunting

PRO JPPM NEGERI SEMBILAN

PRO JPPM KEDAH

PRO JPPM SABAH

PRO JPPM PAHANG

PRO JPPM MELAKA

PRO JPPM SARAWAK

PRO JPPM SELANGOR

PRO JPPM JOHOR

PRO JPPM PERLIS

PRO JPPM PERAK

PRO JPPM PULAU PINANG

PRO JPPM TERENGGANU

PRO JPPM KELANTAN

Diterbitkan Oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN
MALAYSIA**